

14/07/1997

Nik Aziz puji Dr Mahathir dan Anwar

Sut

PILIHAN raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak akan berlangsung tidak lama lagi. Pada 31 Julai ini, proses penamaan calon akan berlangsung dan pembuangan undi pada 11 Ogos 1997. Kerajaan negeri Kelantan akan menggunakan isu hak milik tanah sebagai modal utama kempennya. Pada masa ini, ada 600 lot hak milik tanah yang masih belum diselesaikan di kawasan itu. Kerajaan Pas yakin hanya dialah yang dapat menyelesaikan masalah itu kerana menurut mereka isu tanah adalah persoalan kerajaan negeri.

Dari satu segi mungkin ia boleh dipakai tetapi penyelesaian masalah yang berhubung dengan tanah, khususnya di Kelantan tentulah tidak semudah itu.

Kita cuma ingin mengingatkan dalam ghairah hendak menyelesaikan masalah tanah itu, terutama politik untuk menang pilihan raya, janganlah pula terjadi seperti satu peristiwa yang terjadi di Melaka.

Seorang teman baik dari Melaka memberitahu baru-baru ini, ada seorang yang memperolehi hak milik tanah di Melaka. Tetapi apabila beliau hendak mengusahakan tanah itu yang dikatakan miliknya, barulah cerita sebenarnya diketahui. Tanah itu dimiliki tiga orang yang berlainan. Seorang daripadanya sudah menjualnya kepada bukan Bumiputera. Kelam-kabutlah jadinya.

Berbalik kepada isu pilihan raya kecil DUN Semerak dan isu hak milik tanah - dalam hal ini kita fikir pengundi di DUN itu bukan lagi pengundi sepuluh atau 15 lalu. Mereka adalah pengundi yang memahami apakah makna politik dan apakah gunanya politik. Mereka tentulah tidak boleh lagi digula-gulkan oleh apapun parti politik.

Kita hampir pasti persaingan yang akan terjadi di DUN Semerak itu hanya pertandingan satu lawan satu iaitu antara Pas dan Umno atau Barisan Nasional (BN) saja. Parti lain seperti DAP, misalnya seperti kata orang Kelantan sendiri 'memang sah dia tak masuk!'

Oleh sebab yang akan bertanding hanya Pas dan Umno, kita ingin mengemukakan apa kata Datuk Nik Aziz Nik Mat sendiri.

Baru-baru ini, Menteri Besar Kelantan itu sudah bercuti selama sebulan. Kita tak nak usik apa-apa mengenai cutinya selama sebulan itu. Tentulah beliau mempunyai hak dan layak mengambil cuti berkeñaan. Yang kita nak sebutkan di sini ialah selepas menghabiskan masa lebih kurang sebulan di luar negara dan apabila beliau pulang ke tanah air, akhbar Pas, melaporkan, 'Tuan Guru Nik Abdul Aziz berkata, akhbar di negara Arab juga memuji Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerana lantang bersuara mengkritik Amerika Syarikat dan membela umat Islam di Bosnia. Malah, katanya, akhbar berkeñaan juga menyifatkan Mahathir seorang daripada lima Harimau Asia yang lantang bersuara. Jadi mengikut Nik Aziz, dunia luar terutama negara Islam mengiktiraf kepemimpinan Dr Mahathir dan Anwar, terutamanya dalam soal pembangunan Islam.

Dalam hal ini, kita fikir tentulah dalam kempen pilihan raya kecil DUN Semerak nanti tidak akan ada lagi tuduhan yang menyatakan Umno tidak Islam dan sebagainya. Adalah satu hal yang tidak munasabah dan kurang bijaksana apabila seorang seperti Nik Aziz memuji-muji kepemimpinan Dr Mahathir dan Anwar, tiba-tiba dalam kempen pilihan raya kecil hal itu tidak diiktiraf. Malahan tentu lebih terasa aneh dan pelik jika Pas dalam kempennya menolak Umno kerana kononnya Umno tidak Islam atau kurang Islam.

Begitulah realitinya. Sebuah bukit emas tidak dapat disembunyikan dengan hanya sepelepah daun kelapa. Nik Aziz terpaksa mengakuinya.

Kita faham niat baik Nik Aziz dalam hal memberitahu pengikutnya mengenai betapa banyak negara Islam yang memuji kepemimpinan Dr Mahathir dan Anwar. Sebenarnya, untuk mendapatkan sumber daripada negara Islam itu tidaklah sukar sangat. Kita boleh mencari akhbar negara itu dan baca bagaimana mereka memuji Mahathir.

Tetapi persoalan yang dihadapi ialah apa yang dikatakan oleh Nik Aziz tidak semestinya benar pada pandangan Dewan Harian Pas yang akan menentukan tindak-tanduk Nik Aziz. Kita pun harus ingat, dalam waktu yang sama dengan niat yang baik menyatakan kebenaran mengenai kepemimpinan Dr Mahathir, tentulah ada mata-mata yang sedang memerhatikan tindak-tanduk Nik Aziz.

Barangkali, dalam kempen yang akan berlangsung di DUN Semerak nanti, puji-pujian terhadap kepemimpinan Dr Mahathir dan Anwar akan bertukar kepada penolakan terhadap apa-apa yang dilakukan oleh kedua-dua tokoh itu.

Tetapi jangan pula kita lupa, bahawa kenyataan mengenai Mahathir dan Anwar itu tersiar dalam akhbar. Memang dalam suatu masa kita tidak boleh menipu semua orang. Begitulah. Yang tidak membaca akhbar tidak tahu apa yang dikatakan oleh Nik Aziz. Yang tahu hanya yang membaca akhbar.

Dalam hal ini, bukanlah kerana kebenaran itu boleh mempunyai pelbagai wajah dan bentuk. Tidak. Yang punyi pelbagai wajah ialah kenyataan untuk memenangi kerusi kempen pilihan raya.

Dalam hal ini, rakyat di DUN Semerak mestilah berhati-hati untuk melihat persoalan pemberian hak milik tanah yang menjadi masalah yang bukan kecil kepada rakyat yang memang memerlukan.

(END)